

Bapa urus tiga anak lumpuh selepas kematian isteri

TUMPAT - Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul.

Iaalah gambaran tepat untuk menceritakan keadaan seorang bapa apabila terpaksa mengambil alih tugas menjaga tiga anaknya yang lumpuh dan menghidap penyakit saraf selepas kematian isteri tercinta semalam.

Mohd. Zin Abdullah, 54, berkata, isterinya, Noor Aini, 48, menghembuskan nafas terakhirnya semalam akibat penyakit paru-paru berair dan barah payudara.

Katanya, walaupun agak berat, namun dia reda kerana itu sudah menjadi sebahagian daripada tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Menurutnya, dua anak perempuannya, Khairul Nisa, 23, dan Ain Husna, 16, manakala anak

lelakinya, Muhammad Amir, 17, memerlukan penjagaan rapi kerana tidak mempunyai keupayaan untuk bergerak seperti manusia normal yang lain.

"Sebelum ini arwah isteri banyak melaksanakan tugas-tugas ini kerana saya lebih keluar mencari rezeki bagi menyara keluarga.

"Namun kali ini saya perlu mengambil tugas itu demi masa depan mereka.

"Kemungkinan besar saya terpaksa membahagikan masa antara mencari rezeki dengan menjaga mereka bertiga," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Kok Keli 1 di sini semalam.

Mohd. Zin memberitahu, sepanjang arwah isterinya sakit sebulan lalu, tugas menjaga ketiga-tiga beradik itu digalas ber-

sama seorang lagi anak perempuannya, Umi Shamira, 25.

Katanya, Umi Shamira banyak membantu menguruskan adik-adiknya itu ketika dia menghantar isteri untuk mendapatkan rawatan di hospital.

"Bagaimanapun saya lega, dua anak saya mendapat bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) RM300 setiap seorang. Bukan itu sahaja Pusat Pemulihan Dalam Komuniti turut menyumbang sebanyak RM160.

"Bantuan ini saya manfaatkan sepenuhnya untuk membeli barang keperluan mereka bertiga terutama lampin pakai buang," ujarnya.

Orang ramai yang ingin membantu, boleh menyulurkan sumbangan ke akaun Maybank milik Mohd. Zin di 1030-1604-2526.



MOHD. ZIN bersama tiga anaknya yang lumpuh dan menghidap penyakit saraf ditemui di kediaman mereka di Kampung Kok Keli, Tumpat semalam.